

## **Rakyat Terhutang Budi Kepada Veteran ATM - Najib**

**Bernama**

**Jun**

**30,**

**2014**

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata rakyat harus berterima kasih kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Kemerdekaan dan kebebasan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia hari ini, kita terhutang budi kepada veteran kita.

"Kami sering hanya berterima kasih kepada bekas veteran atas perkhidmatan dan pengorbanan mereka tetapi ia tidak mencukupi," kata Najib dalam catatan terbaru beliau dalam laman Facebooknya pada Isnin.

Beliau merujuk kepada laporan, "Lima Puluh Satu Veteran OKU Terima Bantuan Khas Sekali Bayaran RM500", yang disiarkan oleh Bernama, semalam.

Menurut laporan itu, anggota veteran ATM di Terengganu menerima bantuan khas sekali bayaran RM500 daripada Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) bagi menghargai jasa mereka kepada negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1050384>